alat-alat	Gambar-gambar	cantik-cantik
Barang-barang	tokoh-tokoh	lagu-lagu
pameran-pameran	Bendera-bendera	Barang-barang

Uniknya Muzium Mini

Afifi : Wah, sungguh kreatif penduduk di kampung ini !

Datuk : Betul, Afifi. Pembinaan muzium mini ini hasil usaha mereka secara sukarela. Rumah ini ialah sumbangan penduduk. _____ di sekeliling sudut pameran sumbangan daripada pelbagai pihak. Para pelajar institusi pengajian tinggi pula gigih menghias muzium ini.

Afifi : _____ di sini juga menarik dan tersusun.

Datuk : Ya Afifi. _____ lama seperti hiasan rumah, pinggan mangkuk, kraf tangan duit dan setem lama serta perabot antik diletakkan di situ.

Afifi : Di sana pula, Afifi melihat alat kegunaan harian dan senjata lama dipamerkan. Tentu _____ itu mempunyai nilai sejarah yang tinggi.

Datuk : Sudah tentu, Afifi. Peminat barangan lama tentu terpegun apabila melihat _____ barangan yang diletakkan di dalam rak berkaca itu.

Afifi : Wah, itu potret _____ yang berjasa kepada negara ! _____ dan berseni sungguh potret itu. _____ monumen itu pula ada nilai kreatifnya. Tentu jurufotonya seorang yang hebat. Datuk, mengapakah muzium mini ini ditubuhkan ?

Datuk : Muzium ini akan menceritakan cara dan resam hidup orang dahulu kepada generasi baharu seperti Afifi, sekali gus menanamkan sikap patriotik.

Afifi : Oh begitu! Seronoknya, ada juga _____ patriotik berkumandang sebagai halwa telinga.

LIVEWORKSHEETS